

# Dr Mahathir puas hati pencapaian Langkawi

BH 28 JAN 2002

Oleh Norbakti Allas dan Wan Jallani Razak

LANGKAWI, Ahad – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad puas hati dengan penonjolan pulau pelancongan ini sebagai pentas acara sukan bertaraf antarabangsa.

Malah, Perdana Menteri berkata, ketika ini Langkawi terkenal dengan penganjuran pelbagai perlumbaan, seperti *Ironman* Langkawi dan kart prix peringkat antarabangsa.

Pada masa sama, Dr Mahathir berkata kerajaan turut menggalakkan penganjuran sukan ekstrim yang mampu memenuhi cita rasa golongan remaja masa kini.

“Kita juga mahukan acara seperti *Ironman* diadakan setiap tahun. Pada masa sama, kita harapkan peserta negara mampu mencatatkan kejayaan,” katanya selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang perlumbaan *Ironman* Langkawi, di Dataran Lang, hari ini.

Perlumbaan itu dimenangi Bryan Rhodes dari New Zealand. Acara kali ketiga itu disertai 383 peserta dari 32 negara.

Perdana Menteri berkata, penganjuran acara peringkat antarabangsa turut memberi ruang kepada usahawan tempatan mem-

Pulau Langkawi terus menjadi tumpuan pelancong berikutan banyak acara sukan bertaraf antarabangsa diadakan di pulau pelancongan itu.

perkenalkan produk mereka menerusi gerai yang disediakan.

Terdahulu, pada sidang akhbar selepas penyampaian hadiah perlumbaan kart Rotax Max World Grand Finals, di Litar Kart Antarabangsa Morac, Dr Mahathir berkata pelumba negara perlu menyertai lebih banyak perlumbaan antarabangsa bagi menyiapkan diri ke pertandingan lebih besar seperti Formula Satu.

Walaupun berpuas hati dengan persembahan keseluruhan pelumba negara, beliau mengakui banyak yang perlu dilakukan sebelum Malaysia mampu menampilkan pelumba yang disegani.

Mengenai kemudahan litar perlumbaan, Dr Mahathir berkata secara keseluruhan mutu litar di negara ini adalah tinggi.

Berhubung kemungkinan ada rancangan memperbe-  
sarkan litar sedia ada, Per-

dana Menteri berkata jika perlu, litar berkenaan akan dipertingkatkan.

Ditanya pendapatnya mengenai perlumbaan, Dr Mahathir yang sebelum itu diberi peluang memandu sendiri kart di litar itu, berkata, penganjuran dan pertandingannya adalah baik.

“Perlumbaan kali ini sengit dan menarik. Bilangan penonton walaupun tidak ramai, namun masih mencukupi,” katanya.

Sebelum itu, Perdana Menteri yang tiba awal pagi ini turut melawat beberapa projek di pulau ini, termasuk projek kereta kabel di Teluk Burau.

Dr Mahathir turut menerima sumbangan RM15,000 yang disampaikan Pengarah Urusan, Asiantkap Retail Management & Consultancy, Dennis Hayes untuk Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara.